

## ANALISIS KEPERLUAN PEMBINAAN REKABENTUK MODEL BAHASA ARAB UNTUK PERUNDANGAN ISLAM MELALUI INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

### *Need Analysis of Language Model Design In Arabic For Islamic Jurisprudence Through The Integration Of Naqli And Aqli Knowledge*

Ummu-Hani Abas<sup>1a\*</sup>, Azlan Shaiful Baharum<sup>2b</sup>, Abdul Manan Ismail<sup>3c</sup>, Mohammad Najib Jaffar<sup>4d</sup>, Ahmad Asyraf Mat Ali<sup>5e</sup>, dan Rasmina Hasbullah<sup>6f</sup>.

<sup>a</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: [ummuhani@usim.edu.my](mailto:ummuhani@usim.edu.my)

<sup>b</sup>Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [azlan\\_arab@usim.edu.my](mailto:azlan_arab@usim.edu.my)

<sup>c</sup>Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [manan@usim.edu.my](mailto:manan@usim.edu.my)

<sup>d</sup>Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [najib@usim.edu.my](mailto:najib@usim.edu.my)

<sup>e</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [asyrafali@usim.edu.my](mailto:asyrafali@usim.edu.my)

<sup>f</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [rasmina@usim.edu.my](mailto:rasmina@usim.edu.my)

\*Corresponding Author: [ummuhani@usim.edu.my](mailto:ummuhani@usim.edu.my)

Received: 06 January 2023

Accepted: 19 May 2022

Published: 22 May 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no2.509>

Abstrak	Abstract
<p>Kajian ini bertujuan menganalisis keperluan pembinaan rekabentuk Model Bahasa Arab untuk Perundangan Islam Melalui Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli. Pada zaman ini, masalah yang sedang kita hadapi adalah perhatian kita terlalu sedikit dan singkat untuk mengetahui kaedah-kaedah bahasa Arab dan mengetahui kepentingannya dalam memahami sesuatu nas dan tujuan-tujuannya dengan melihat kepada operasi, konseptual, eksplisit, metafora, tafsiran umum dan khusus di mana semua ini memerlukan pengetahuan bahasa yang lengkap. Oleh itu, pemahaman terhadap fungsi Dalalah Nahwiyyah dan</p>	<p>This study aims to analyze the construction need of the Arabic Language Model For Islamic Law Through The Integration Of Naqli And Aqli Knowledge. Nowadays, the problem we are facing is that our attention is too little and too short to know the methods of the Arabic language and know its importance in understanding a text and its purposes by looking at operational, conceptual, explicit, metaphorical, general and specific interpretations in where all this requires a complete knowledge of the language. Therefore, the understanding of the function of Dalalah Nahwiyyah and Balaghiyyah in the construction of law needs to be taken into</p>

<p>Balaghiyyah dalam pembinaan hukum perlu diambil perhatian dengan cara pengukuhan ciri-ciri unit modul akademik tersebut. Kajian ini menggunakan model analisis keperluan Hutchinson and Waters, 1987 yang terdiri daripada Kekurangan, Keperluan dan Kehendak untuk mengumpul data utama. Manakala data sokongan diperolehi daripada analisis dokumen-dokumen yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden sudah memahami kebanyakan tajuk-tajuk berkaitan ilmu Nahu dan dalalahnya dengan baik walaupun terdapat sebahagian mereka yang masih belum menguasainya. Dari sudut ilmu Balaghah pula, majoriti responden menunjukkan ketidakpastian dengan tahap pemahaman dan penguasaan mereka terhadap ilmu Balaghah dan dalalahnya. Oleh itu, kita dapati majoriti responden sangat bersetuju untuk mempelajari ilmu Nahu, Balaghah dan dalalahnya di samping memahami fungsi-fungsinya dalam mengistinbat hukum.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Model, Bahasa Arab, Perundangan Islam, Naqli, Aqli.</p>	<p>account by means of strengthening the features of the academic module unit. This study uses the needs analysis model of Hutchinson and Waters, 1987 which consists of Lacks, Needs and Wants to collect primary data. While the supporting data is obtained from the analysis of relevant documents. The findings of the study show that the majority of respondents already understand most of the topics related to Arabic Syntax and that they do so well even though there are some of them who still have not mastered it. In term of Arabic Rhetoric, the majority of respondents showed uncertainty with their level of understanding and mastery of this knowledge. Therefore, we found that the majority of respondents strongly agreed to study Arabic Syntax and Rhetoric and its Connotations with understanding their function in establishing the syariah law.</p> <p><b>Keywords:</b> Model, Arabic, Islamic Law, Naqli, Aqli.</p>
--	--

## 1. PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa kepada dua sumber utama umat islam iaitu al-Quran dan Hadith. Ia merupakan pegangan orang-orang Islam dalam menentukan hukum ke atas sesuatu perkara dan permasalahan. Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1998) menjelaskan di dalam bukunya yang bertajuk “*Usul al- Fiqh*” bahawa penguasaan bahasa Arab yang baik adalah salah satu syarat bagi seorang mujtahid. Ibn Taymiyyah (1979) juga menjelaskan tentang kepentingan bahasa Arab dalam sistem perundangan Islam dan menegaskan bahawa bahasa Arab merupakan satu bahagian daripada urusan agama. Bagi Ibn Taymiyyah, hukum mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dan Sunnah adalah wajib. Selain itu, al- Syatibiyy (1992) berpendapat bahawa bagi mereka yang mengkaji bidang syariah sama ada usul atau cabangnya memerlukan kepada dua perkara, dan salah satunya adalah tidak bercakap pada sesuatu perkara itu sehingga dia mampu berbahasa Arab atau mampu

menjadi seperti orang Arab. Telah muncul juga beberapa kitab dan kajian yang menulis hubungkait dan kesan bahasa Arab terhadap proses pembinaan hukum syarak seperti kitab karangan Al-Sa'di (2000) berjudul "Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al-Lughawiyyah fi Istinbat al-Ahkam min Ayat al-Quran al-Tasyriyyah", kitab "Athar al-Lughah fi Ikhtilaf al-Mujtahidin" karangan Towilah Abdul al-Salam (1993), dan kajian oleh Harun Mohammad Badruddin (2006) bertajuk "Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al-Balaghiyyah fi Istinbat al-Ahkam al-Fiqhiyyah".

Selain itu, terdapat banyak juga usaha-usaha bagi mengetengahkan pembelajaran Bahasa Untuk Tujuan Khusus (BAUTK) ini. Menurut Kennedy dan Bolitho (1984) ilmu Bahasa Untuk Tujuan Khusus telah dikenal pasti bermula pada pertengahan kurun ke-20 iaitu sekitar 60-an di mana bahasa Inggeris menjadi pelopor kepada bahasa-bahasa utama yang lain di dunia. Menurut Hutchinson dan Waters (1987), Bahasa Untuk Tujuan Khusus merupakan bidang di mana silibus dan kaedah pengajaran bahasa berpaksikan kepada keperluan dan kehendak pelajar. Hussain Ubaidat (2004) juga berpandangan bahawa silibus pembelajaran yang hendak direkabentuk mestilah berdasarkan keperluan pelajar sasaran. Maka, selari dengan visi dan misi disiplin ini, sebarang silibus yang bakal digubal oleh penggubal buku teks mestilah berpaksikan kepada tujuan utama seseorang pelajar itu mempelajari bahasa Arab. (Soleh Mahjub Tanqari, 2007). Sekiranya tujuannya untuk mendalami agama Islam, maka kandungan modul tersebut hendaklah fokus kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan agama Islam seperti solat, puasa, zakat, haji, umrah dan sebagainya. Kajian dan Analisis keperluan pelajar yang berkaitan dengan Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama khususnya di peringkat pengajian tinggi adalah perlu dan dibanyakkan agar hasil pembelajaran yang digariskan tercapai. (Mohammad Najib Jaffar et al., 2013).

Terdapat banyak kajian yang dijalankan bagi memperlihatkan kepentingan bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi. Sebelum ini satu kajian terhadap keperluan Bahasa Arab Ulum Islamiyyah (AIS) dari perspektif pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menunjukkan bahawa 30% sangat bersetuju dan 70% bersetuju agar Bahasa Arab untuk Ulum Islamiyyah diperkenalkan. Mereka mengatakan bahawa ianya sangat perlu untuk membantu pelajar memahami kandungan perbincangan ilmu-ilmu Islam. Masalah yang jelas dilihat apabila pelajar sukar untuk memahami dan mengeluarkan hukum daripada buku-buku turath tersebut (Yuslina Mohamed et al., 2020). Terdapat segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa pengetahuan bahasa Arab yang meluas tidak akan membentuk seseorang itu menjadi tokoh ilmunan dalam disiplin agama. (Kamarul Shukri Mat The & Mohd Shahrizal Nasir, 2015). Menurut

Saadeddine (2017) masalah pada zaman ini, perhatian kita menjadi terlalu sedikit dan singkat untuk mengetahui kaedah-kaedah bahasa Arab dan mengetahui kepentingannya dalam memahami sesuatu nas dan tujuan-tujuannya.

Pada hakikatnya, kita memerlukan pengetahuan bahasa yang lengkap untuk melihat sesuatu nas dari segi operasi, konseptual, eksplisit, metafora, tafsiran umum dan khususnya dan lain-lain. Oleh itu, langkah ke arah pembinaan reka bentuk model bahasa Arab khusus untuk perundangan Islam yang lebih berfokus kepada pemahaman fungsi Dalalah Nahwiyyah dan Balaghiyyah dalam istinbat hukum amatlah sesuai terutama kepada pelajar jurusan Syariah dan Undang-Undang. Oleh itu, kajian pada keperluan model ini dengan cara melihat kekurangan, keperluan dan kehendak di samping tahap pelajar jurusan ini amatlah perlu sebelum model dibangunkan dengan lebih terperinci dan sesuai untuk mereka. Ini juga dilihat sebagai satu persediaan kepada para pelajar menghadapi pelbagai isu baharu yang akan timbul pada masa akan datang dan mengeluarkan hukum yang tidak bertentangan dengan Syariat Islam.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kekurangan, keperluan dan kehendak pelajar jurusan Syariah & Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap pemahaman dan penguasaan bahasa Arab dari segi ilmu Nahu, al- Ma’ani dan al-Bayan serta fungsinya dalam istinbat hukum-hukum Syarak.

## **3. SOROTAN LITERATUR**

Terdapat beberapa kajian lepas yang dilakukan untuk melihat kepentingan dan keperluan pembelajaran bahasa Arab dalam memahami proses istinbat sesuatu hukum. Antara kajian tersebut adalah seperti yang ditulis oleh Yusof et al (2014) yang bertajuk “Kajian Kualitatif Terhadap Keperluan Mereka Bentuk Bahan Pengajaran Kursus Bahasa Arab Persediaan Untuk Fakulti Undang- Undang Universiti Kebangsaan Malaysia”. Kajian ini menganalisis keperluan pelajar terhadap mereka bentuk bahan pengajaran bahasa Arab bagi menambahbaik kursus sedia ada. Keutamaan kursus tersebut diberikan kepada pelajar bukan Melayu yang belum pernah mempunyai asas bahasa Arab seperti Cina, India, Sikh, Iban, Kadazan dan sebagainya. Borang kaji selidik terbuka telah diedarkan kepada responden. Kajian ini dilihat hanyalah untuk menambahbaik kursus bahasa Arab sedia ada seperti versi roman/transliterasi, vokal/diakritik, glosari kosa kata di akhir setiap bab/tajuk,

fon yang lebih besar, buku teks yang berwarna warni tanpa mengaitkan isu Nahu dan Balaghah dengan hukum syarak.

Selain itu, kajian lain yang berkaitan pembinaan modul juga adalah tesis sarjana yang bertajuk "Tasmim Wihdat Dirasih li Taalim al Lughah al Arabiah Li al Talabah al Mutakhassisin fi al Syariah al Islamiah bi Kuliyyah Ahmad Ibrahim li Al Qanun bi al Jamiah al Islamiah al alamiah bi Malizia" yang ditulis oleh Kadir M.N (2005). Kajian ini bertujuan untuk menambahbaik modul bahasa Arab sedia ada dari segi pemilihan tajuk-tajuk teks yang berkaitan dengan Undang-Undang Syariah. Tesis ini menekankan kemahiran membaca dan menulis serta mengenal pasti maksud istilah-istilah dan kaedah-kaedah yang berkaitan dengan Undang-Undang Syariah. Namun begitu, reka bentuk modul ini tidak menyentuh fungsi tatabahasa dan balaghah dalam pembinaan hukum. Terdapat kajian lain juga yang ditulis oleh Nadwah Bt. Haji Daud (1998) yang bertajuk "Taalim al Lughah al Arabiah li Aghradh Ilmiyyah, Bina Wihdaat Dirasiyyah li al-Ta'lim al-Arabiyyah li al-Mutakhassisiin fi al-Fiqh". Kajian ini mengemukakan asas-asas pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus. Rangka aplikasi dan piawaian dalam membina modul bahasa Arab untuk tujuan *Fiqah* turut disebut antaranya menentukan objektif dengan jelas dan mendokumenkan teks-teks yang berguna kepada pelajar. Namun begitu, kajian ini hanya menyentuh tajuk-tajuk ibadah sahaja seperti solat, puasa dan haji.

Di samping itu, terdapat tesis sarjana yang ditulis oleh Abdul Rahman Chik (1988) bertajuk "Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP) In Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University". Kajian ini lebih memfokuskan kepada pengajaran kemahiran membaca bahasa Arab untuk para pelajar Kuliyyah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian ini dilihat hanya mengemukakan bahan pengajaran kemahiran membaca tanpa mengaitkan tatabahasa dan balaghah dengan Perundangan Islam. Antara kajian lain juga seperti yang ditulis oleh Abdul Qadir Abd Rahman al-Sa'di (2019) bertajuk "Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al- Lughawiyah fi Istinbat ahkam min Ayaat al-Quran al-Tasyriyyah". Kajian ini tertumpu pada kesan tatabahasa dan linguistik dalam proses istinbat hukum. Para fuqaha Syariah memperoleh keputusan perundangan Islam daripada teks-teks Al-Qur'an dan menyebutnya dengan bukti tatabahasa dan linguistik. Terdapat kajian lain yang ditulis oleh Fatehah syahat (t.t) bertajuk "Dalalah Nahwiyyah Wa Atharuha Fi Intinbat Al-Ahkam Min Al-Quran Al-Kareem". Kajian ini menerangkan usaha-usaha ulama dalam mengkaji kepentingan tatabahasa Arab dan kesannya terhadap memahami makna nas al-Quran dan istinbat hukum syarak daripadanya. Kajian ini hanya tertumpu kepada peranan dan perbezaan baris dalam

pembinaan sesuatu hukum berkaitan.

Namun begitu, kajian ini sedikit berbeza daripada kajian-kajian yang disebut di atas kerana skop kajian yang lebih melihat kepada sudut kaedah Nahu dan Balaghah serta fungsinya atau dalalahnya dalam pembinaan sesuatu hukum *Fiqah*. Keperluan kepada reka bentuk model ini cuba dikaji oleh penulis sebelum model yang lebih terperinci dapat dibangunkan bagi mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap proses pemahaman Nahu dan Balaghah sebelum sesuatu hukum syarak diputuskan.

#### 4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Proses Pengumpulan Data dijalankan menggunakan beberapa kaedah seperti berikut;

##### 4.1 Pengumpulan Data

Data kajian telah dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 259 responden yang merupakan pelajar Jurusan Syariah & Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia. Soal selidik ini menggunakan teknik analisis keperluan Hutchinson dan Waters melalui empat unsur utama; iaitu;

**Pertama:** Keperluan situasi sasaran; keperluan ini merangkumi 3 unsur utama seperti berikut:

1. Keutamaan: mengenal pasti aspek yang mesti diketahui oleh pelajar.
2. Kelemahan: mengenal pasti kekurangan bahasa Arab di kalangan pelajar.
3. Minat: mengenal pasti minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab sehingga dapat memenuhi kepentingan mereka.

**Kedua:** Pengumpulan maklumat tentang situasi yang di sasar; melalui huraian beberapa permasalahan seperti berikut:

1. Mengapakah pelajar perlu mempelajari bahasa Arab untuk tujuan perundangan Islam?
2. Bagaimanakah bahasa Arab ini akan digunakan?

**Ketiga:** Keperluan pembelajaran; meliputi keperluan kandungan dan tajuk-tajuk bahasa Arab yang berkaitan dengan pembinaan hukum.

**Keempat:** Analisis keperluan pembelajaran; melalui jawapan kepada beberapa persoalan seperti berikut:

1. Sejauh manakah tahap pengetahuan mereka terhadap fungsi bahasa Arab dalam pembinaan hukum?
2. Sejauh manakah tahap pengetahuan mereka terhadap isi kandungan bahasa Arab?

#### 4.2 Analisis Data Kaji Selidik

Hasil daripada borang soal selidik tersebut akan diproses menggunakan perisian SPSS. Data statistik yang diperolehi dari soalan kaji selidik dianalisa bagi mengenal pasti keperluan pembinaan reka bentuk model bahasa Arab untuk perundangan Islam.

#### 4.3 Analisis Dokumen

Data yang diperolehi daripada buku, tesis, artikel jurnal dan kertas kerja seminar di kumpul berdasarkan objektif kajian. Dokumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah Nahu, Balaghah dan hukum *Fiqah* sahaja yang dipilih dan dianalisis bagi mendapatkan data yang sesuai untuk mengetahui aspek-aspek keperluan pembinaan reka bentuk model ini.

### 5. DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian dari ketiga-tiga aspek Kekurangan (*Lacks*), Keperluan (*Needs*) dan Kehendak (*Wants*) adalah seperti berikut:

#### 5.1 Kekurangan

**Jadual 1 : Kekurangan Penguasaan ilmu Nahu**

Saya tidak menguasai ilmu Nahu dengan baik.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	59	22.8
tidak setuju	142	54.8
tidak pasti	13	5.0
setuju	40	15.4
sangat setuju	5	1.9
Jumlah	259	100.0

**Jadual 2 : Kekurangan Penguasaan ilmu Balaghah**

Saya tidak menguasai ilmu Balaghah dengan baik.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	8	3.1
tidak setuju	59	22.8
tidak pasti	98	37.8
setuju	69	26.6
sangat setuju	25	9.7
Jumlah	259	100.0

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa 54.8% tidak bersetuju dengan pernyataan “Saya tidak menguasai ilmu Nahu dengan baik”, diikuti 22.8% sangat tidak setuju, 15.4% setuju, 1.9% sangat setuju dan 5.0% tidak pasti. Manakala Jadual 2 pula menunjukkan majoriti responden tidak pasti dengan penguasaan ilmu Balaghah dengan baik iaitu 37%. Manakala 26.6% bersetuju tidak menguasai

Balaghah dengan baik, 22.8% tidak bersetuju, 9.7% sangat bersetuju dan 3.1% sangat tidak bersetuju.

**Jadual 3 :** Pengetahuan tentang buku rujukan Nahu

Saya tidak mengetahui buku-buku rujukan berkaitan ilmu Nahu	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	10	3.9
tidak setuju	41	15.8
tidak pasti	103	39.8
setuju	74	28.6
sangat setuju	31	12.0
Jumlah	259	100.0

**Jadual 4 :** Pengetahuan tentang buku rujukan Balaghah

Saya tidak mengetahui buku-buku rujukan berkaitan ilmu Balaghah.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	17	6.6
tidak setuju	60	23.2
tidak pasti	86	33.2
setuju	60	23.2
sangat setuju	36	13.9
Jumlah	259	100.0

Jadual 3 mencatatkan peratus tertinggi pada ketidakpastian responden terhadap pengetahuan mereka mengenai buku-buku rujukan berkaitan ilmu Nahu iaitu 39.8%. Manakala sebanyak 28.6% setuju tidak mengetahui buku rujukan Nahu, 15.8% tidak bersetuju, 12% sangat bersetuju dan 3.9% sangat tidak bersetuju. Jadual 4 juga menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pasti terhadap pengetahuan mereka mengenai buku-buku rujukan berkaitan ilmu Balaghah iaitu dengan catatan 33.2%. Peratus yang sama antara setuju dan tidak setuju iaitu 23.2%, dan 13.9% sangat bersetuju dan 6.6% sangat tidak setuju.

**Jadual 5 :** Kesukaran mendapatkan buku rujukan Nahu

Saya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rujukan utama ilmu Nahu.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	9	3.5
tidak setuju	40	15.4
tidak pasti	92	35.5
Setuju	72	27.8
sangat setuju	46	17.8
Jumlah	259	100.0

**Jadual 6 :** Kesukaran mendapatkan buku rujukan Balaghah

Saya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rujukan utama ilmu Balaghah.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	19	7.3
tidak setuju	59	22.8
tidak pasti	82	31.7
setuju	55	21.2
sangat setuju	44	17.0
Jumlah	259	100.0

Jadual 5 menunjukkan 35.5% pada ketidakpastian terhadap kesukaran mendapatkan rujukan utama ilmu Nahu, diikuti 27.8% bersetuju menghadapi kesukaran, 17.8% sangat setuju, 15.4% tidak setuju, 3.5% sangat tidak setuju. Manakala Jadual 6 pula menunjukkan 31.7% pada ketidakpastian terhadap kesukaran mendapatkan rujukan utama ilmu Balaghah. Kemudian 22.8% tidak bersetuju, 21.2% bersetuju, 17% sangat setuju dan 7.3% sangat tidak setuju.



**Jadual 7 :** Pengetahuan tentang hubungan antara ilmu Balaghah dengan ilmu Dalalah

Saya tidak mengetahui wujudnya hubungan antara ilmu Balaghah dengan ilmu Dalalah.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	48	18.5
tidak setuju	74	28.6
tidak pasti	60	23.2
setuju	41	15.8
sangat setuju	36	13.9
Jumlah	259	100.0

**Jadual 8 :** Kesukaran memahami kaedah istinbat hukum

Saya menghadapi kesukaran untuk memahami kaedah istinbat hukum.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	36	13.9
tidak setuju	77	29.7
tidak pasti	66	25.5
setuju	48	18.5
sangat setuju	32	12.4
Jumlah	259	100.0

Jadual 7 memperlihatkan bahawa majoriti responden tidak bersetuju dengan pernyataan “Saya tidak mengetahui hubungan antara ilmu Balaghah dengan ilmu Dalalah” dengan bacaan 28.6%, diikuti 23.2% tidak pasti, 18.5% sangat tidak setuju, 15.8% setuju, dan 13.9 sangat setuju. Jadual 8 menunjukkan majoriti responden tidak setuju menghadapi kesukaran untuk memahami kaedah istinbat hukum iaitu 29.7%, diikuti 25.5% tidak pasti, 18.5 setuju, 13.9% sangat tidak setuju dan 12.4% sangat setuju.

## 5.2 Keperluan

**Jadual 9 :** Penguasaan mengi'krab ayat-ayat pendek

Saya mampu mengi'krab ayat-ayat pendek.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	12	4.6
tidak setuju	38	14.7
tidak pasti	85	32.8
setuju	96	37.1
sangat setuju	28	10.8
Jumlah	259	100.0

**Jadual 10 :** Penguasaan mengi'krab ayat-ayat panjang.

Saya mampu mengi'krab ayat-ayat panjang.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	14	5.4
tidak setuju	30	11.6
tidak pasti	72	27.8
setuju	103	39.8
sangat setuju	40	15.4
Jumlah	259	100.0

Jadual 9 memperlihatkan majoriti responden mampu mengi'krab ayat-ayat pendek dengan catatan 37.1% setuju, diikuti 32.8% tidak pasti, 14.7% tidak setuju, 10.8% sangat setuju dan 4.6% sangat tidak pasti. Jadual 10 juga menunjukkan responden mampu mengi'krab ayat-ayat panjang dengan 39.8%, diikuti 27.8% tidak pasti, 15.4% sangat setuju, 11.6% tidak setuju dan 5.4% sangat tidak setuju.

**Jadual 11 :** Penguasaan Huruf al-Jaar dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami Huruf al-Jaar dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	33	12.7
tidak setuju	66	25.5
tidak pasti	107	41.3
Setuju	46	17.8
sangat setuju	7	2.7
Jumlah	259	100.0

**Jadual 12 :** Penguasaan Huruf al-'Athof dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami Huruf al-'Athof dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	10	3.9
tidak setuju	20	7.7
tidak pasti	82	31.7
setuju	113	43.6
sangat setuju	34	13.1
Jumlah	259	100.0

Jadual 11 menunjukkan frekuensi tahap Pemahaman Huruf al-Jaar dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan hukum Syarak di kalangan pelajar. Majoritinya tidak pasti dengan catatan 41.3%, diikuti dengan 25.5% tidak setuju, 17.8% setuju, 12.7% sangat tidak setuju dan 2.7% sangat setuju. Jadual 12 menunjukkan 43.6% setuju memahami Huruf al-'Athof dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak, diikuti 31.7% tidak pasti, 13.1% sangat setuju, 7.7% tidak setuju dan 3.9% sangat tidak setuju.

**Jadual 13 :** Penguasaan al- Dhomir dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al- Dhomir dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	7	2.7
tidak setuju	30	11.6
tidak pasti	88	34.0
Setuju	104	40.2
sangat setuju	30	11.6
Jumlah	259	100.0

**Jadual 14 :** Penguasaan al-Mausul dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al- Mausul dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	13	5.0
tidak setuju	24	9.3
tidak pasti	73	28.2
setuju	114	44.0
sangat setuju	35	13.5
Jumlah	259	100.0

Jadual 13 menunjukkan 40.2% bersetuju bahawa mereka telah memahami al-Dhomir dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak. Diikuti 34% tidak pasti, 11.6% sangat bersetuju, 11.6% tidak bersetuju dan 2.7% sangat tidak setuju. Jadual 14 pula menunjukkan majoriti bersetuju telah menguasai al-Mausul dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak dengan catatan sebanyak 44%, diikuti 28.2% tidak pasti, 13.5% sangat bersetuju, 9.3% tidak bersetuju dan 5% sangat tidak bersetuju.

**Jadual 15 :** Penguasaan Nakirah dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya memahami Nakirah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	14	5.4
tidak setuju	37	14.3
tidak pasti	103	39.8
setuju	81	31.3
sangat setuju	24	9.3
Jumlah	259	100.0

**Jadual 16 :** Penguasaan Makrifah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami Makrifah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	10	3.9
tidak setuju	30	11.6
tidak pasti	98	37.8
setuju	89	34.4
sangat setuju	32	12.4
Jumlah	259	100.0

Jadual 15 menunjukkan frekuensi pemahaman responden terhadap Nakirah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak. 39.8% tidak pasti, 31.3% setuju, 14.3% tidak setuju, 9.3% sangat setuju dan 5.4% sangat tidak setuju. Jadual 16 pula menunjukkan 37.8% responden tidak pasti terhadap penguasaan Makrifah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak, diikuti 34.4% setuju, 12.4% sangat setuju, 11.6% tidak bersetuju dan 3.9% sangat tidak bersetuju.

**Jadual 17 :** Penguasaan Kana dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami Kana dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	12	4.6
tidak setuju	24	9.3
tidak pasti	100	38.6
setuju	93	35.9
sangat setuju	30	11.6
Jumlah	259	100.0

**Jadual 18 :** Penguasaan al-Zorf dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Zorf dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	14	5.4
tidak setuju	31	12.0
tidak pasti	110	42.5
setuju	80	30.9
sangat setuju	24	9.3
Jumlah	259	100.0

Jadual 17 menunjukkan majoriti responden tidak pasti bahawa mereka telah memahami Kana dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak dengan catatannya sebanyak 38.6%, diikuti 35.9% bersetuju, 11.6% sangat bersetuju, 9.3% tidak setuju dan 4.6% sangat tidak setuju. Seterusnya Jadual 18 juga menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pasti bahawa mereka telah memahami al-Zorf dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak dengan catatan 42.5%, diikuti 30.9% menjawab setuju, 12% tidak setuju, 9.3% sangat setuju, 5.4% sangat tidak setuju.

**Jadual 19 :** Penguasaan al-Istithna dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Istithna dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	11	4.2
tidak setuju	27	10.4
tidak pasti	95	36.7
setuju	98	37.8
sangat setuju	28	10.8
Jumlah	259	100.0

**Jadual 20 :** Penguasaan al-Hal dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Hal dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	9	3.5
tidak setuju	25	9.7
tidak pasti	86	33.2
setuju	108	41.7
sangat setuju	31	12.0
Jumlah	259	100.0

Jadual 19 mencatatkan majoriti setuju terhadap pemahaman al-Istithna dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak iaitu 37.8%, 36.7% tidak pasti, 10.8% sangat setuju, 10.4% tidak setuju dan 4.2% sangat tidak setuju. Jadual 20 juga menunjukkan 41.7% setuju bahawa mereka telah al-Hal dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak, diikuti 33.2% tidak pasti, 12% sangat setuju, 9.7% tidak setuju dan 3.5% sangat tidak setuju.

**Jadual 21** : Penguasaan al-Idhafah dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Idhafah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	10	3.9
tidak setuju	23	8.9
tidak pasti	88	34.0
setuju	108	41.7
sangat setuju	30	11.6
Jumlah	259	100.0

**Jadual 22** : Penguasaan al-Na'at dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Na'at dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	11	4.2
tidak setuju	23	8.9
tidak pasti	94	36.3
setuju	97	37.5
sangat setuju	34	13.1
Jumlah	259	100.0

Jadual 21 menunjukkan seramai 41.7% setuju dan 11.6% sangat setuju terhadap pemahaman al-Idhafah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan hukum syarak. Manakala seramai 8.9% tidak setuju dan 3.9% sangat tidak setuju serta 34% pula tidak pasti. Jadual 22 mencatatkan peratus setuju terhadap al-Na'at dan fungsi dalalahnya adalah yang paling tinggi iaitu 37.5% diikuti dengan peratus tidak pasti iaitu sebanyak 36.3%. Manakala peratus sangat setuju hanya mencatatkan 13.1% di samping peratus tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah yang terendah masing-masing mencatatkan 8.9% dan 4.2%.

**Jadual 23** : Penguasaan al-Badal dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Badal dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	11	4.2
tidak setuju	24	9.3
tidak pasti	95	36.7
setuju	95	36.7
sangat setuju	34	13.1
Jumlah	259	100.0

**Jadual 24** : Penguasaan al-Amr dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Amr dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	12	4.6
tidak setuju	28	10.8
tidak pasti	92	35.5
setuju	98	37.8
sangat setuju	29	11.2
Jumlah	259	100.0

Jadual 23 merekodkan peratus sebanyak 36.7% setuju dan tidak pasti terhadap pemahaman badal dan fungsi dalalahnya. Manakala peratus sangat setuju sebanyak 13.1% diikuti pula dengan peratus tidak setuju sebanyak 9.3% dan sangat tidak setuju sebanyak 4.2%. Jadual 24 pula merekodkan jumlah tertinggi peratus responden yang bersetuju terhadap pemahaman al-Amar dan fungsi dalalahnya sebanyak 37.8%. seterusnya jumlah tidak pasti sebanyak 35.5%. Manakala jumlah peratus bagi item sangat setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju masing-masing merekodkan sebanyak 11.2%, 10.8% dan 4.6%.

**Jadual 25** : Penguasaan al-Syart dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Syart dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	6	2.3
tidak setuju	21	8.1
tidak pasti	82	31.7
setuju	99	38.2
sangat setuju	51	19.7
Jumlah	259	100.0

**Jadual 26** : Penguasaan al-'Adad dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-'Adad dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	10	3.9
tidak setuju	24	9.3
tidak pasti	88	34.0
setuju	104	40.2
sangat setuju	33	12.7
Jumlah	259	100.0

Jadual 25 dan Jadual 26 ialah jumlah peratus bagi soalan pemahaman al-Syart dan al-A'dad serta fungsi dalalah keduanya mencatatkan peratus tertinggi bagi item setuju iaitu 38.2% dan 40.2% disusuli dengan item tidak pasti sebanyak 31.7% dan 34%. Manakala peratus terendah sebanyak 2.3% dan 3.9% ialah item sangat tidak setuju bagi kedua-dua soalan. Sementara itu, bagi item sangat setuju masing-masing merekodkan 19.7% dan 12.7% serta item tidak setuju pula mencatatkan sebanyak 8.1% dan 9.3%.

**Jadual 27** : Penguasaan al-Taqdim al-Ta'khir dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Taqdim al-Ta'khir dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	7	2.7
tidak setuju	24	9.3
tidak pasti	96	37.1
setuju	102	39.4
sangat setuju	30	11.6
Jumlah	259	100.0

**Jadual 28** : Penguasaan al-I'jaz dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-I'jaz dan fungsi dalalahnya pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	17	6.6
tidak setuju	39	15.1
tidak pasti	111	42.9
setuju	75	29.0
sangat setuju	17	6.6
Jumlah	259	100.0

Jadual 27 berkenaan pemahaman al-Taqdim al-Takhir serta fungsi dalalahnya. Item setuju ialah yang paling tinggi iaitu 39.4%. kemudian item tidak pasti sebanyak 37.1% serta item sangat setuju iaitu 11.6% dan item tidak setuju 9.3%, sangat tidak setuju 2.7%. Bagi Jadual 28 pula, item tertinggi ialah item tidak pasti iaitu 42.9% diikuti item setuju dengan jumlah 29% serta item tidak setuju 15.1%, dan terendah iaitu sangat setuju dan sangat tidak setuju yang mana masing-masing mencatat sebanyak 6.6%.

**Jadual 29 :** Penguasaan al-Itnab dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Itnab dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	21	8.1
tidak setuju	44	17.0
tidak pasti	108	41.7
setuju	66	25.5
sangat setuju	20	7.7
Jumlah	259	100.0

**Jadual 30 :** Penguasaan al-Tasybih dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Tasybih dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	28	10.8
tidak setuju	60	23.2
tidak pasti	115	44.4
setuju	43	16.6
sangat setuju	13	5.0
Jumlah	259	100.0

Jadual 29 menunjukkan peratus pemahaman al-Itnab dan fungsi dalalahnya dengan item tidak pasti tertinggi iaitu 41.7%. Disusuli dengan item setuju sebanyak 25.5% kemudian item tidak setuju sebanyak 17%, serta item sangat tidak setuju dan sangat setuju dengan peratus sebanyak 8.1% dan 7.7%. Jadual 30 merekodkan peratus tertinggi sebanyak 44.4% iaitu item tidak pasti. Manakala item tidak setuju pula menyusul sebanyak 23.2% kemudian item setuju iaitu 16.6% serta item sangat tidak setuju dan sangat setuju masing-masing sebanyak 10.8% dan 5%.

**Jadual 31 :** Penguasaan al-Majaz al-Lughawi dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Majaz al-Lughawi dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	12	4.6
tidak setuju	40	15.4
tidak pasti	91	35.1
setuju	85	32.8
sangat setuju	31	12.0
Jumlah	259	100.0

**Jadual 32 :** Penguasaan al-Majaz Mursal dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Majaz al-Mursal dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	14	5.4
tidak setuju	34	13.1
tidak pasti	107	41.3
setuju	80	30.9
sangat setuju	24	9.3
Jumlah	259	100.0

Jadual 31 menunjukkan jumlah peratus pemahaman al-Majaz al-Lughawi dan fungsi dalalahnya yang tertinggi ialah item tidak pasti sebanyak 35.1%. kemudian item setuju sebanyak 32.8% dan item tidak setuju sebanyak 15.4% serta item sangat setuju sebanyak 12% dan item terendah iaitu sangat tidak setuju sebanyak 4.6%. Manakala Jadual 32 menunjukkan responden tertinggi pada item tidak pasti juga iaitu sebanyak 41.3%, disusuli dengan item setuju sebanyak 30.9% kemudian item tidak setuju sebanyak 13.1% dan item sangat setuju sebanyak 9.3% serta yang terendah ialah item sangat tidak setuju sebanyak 5.4%.

**Jadual 33** : Penguasaan al-Isti'arah dan fungsinya dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Isti'arah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	14	5.4
tidak setuju	38	14.7
tidak pasti	103	39.8
setuju	83	32.0
sangat setuju	21	8.1
Jumlah	259	100.0

**Jadual 34** : Penguasaan al-Kinayah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya telah memahami al-Kinayah dan fungsi dalalahnya dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	18	6.9
tidak setuju	35	13.5
tidak pasti	111	42.9
setuju	78	30.1
sangat setuju	17	6.6
Jumlah	259	100.0

Jadual 33 dan Jadual 34 menunjukkan pemahaman al-Isti'arah dan al-Kinayah serta fungsi dalalahnya di mana item setuju adalah yang tertinggi iaitu 39.8% dan 42.9%. diikuti dengan item setuju sebanyak 32% dan 30.1%. Sementara itu, item tidak setuju bagi kedua-duanya ialah 14.7% dan 13.5%. Manakala item sangat setuju pula sebanyak 8.1% dan 6.6%, item sangat tidak setuju pula sebanyak 5.4% dn 6.9%.

**Jadual 35** : Penguasaan asas-asas kaedah Nahu

Saya sudah menguasai asas-asas kaedah Nahu.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	18	6.9
tidak setuju	73	28.2
tidak pasti	88	34.0
setuju	57	22.0
sangat setuju	23	8.9
Jumlah	259	100.0

**Jadual 36** : Penguasaan menghuraikan Hukum Syarak dengan baik.

Saya mampu menghuraikan Hukum Syarak dengan baik.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	12	4.6
tidak setuju	35	13.5
tidak pasti	101	39.0
setuju	86	33.2
sangat setuju	25	9.7
Jumlah	259	100.0

Jadual 35 berkenaan dengan penguasaan responden terhadap asas-asas kaedah nahu di mana item tertinggi ialah tidak pasti iaitu 34%, disusuli dengan item tidak setuju sebanyak 28.2%, Manakala item setuju pula mencatatkan 22%, dan item sangat setuju sebanyak 8.9% dan yang terendah ialah item sangat tidak setuju sebanyak 6.9%. Jadual 36 pula menunjukkan peratus kemampuan pelajar menghuraikan hukum syarak dengan baik. Seramai 39% tidak pasti terhadap kemampuan mereka. Manakala seramai 33.2% bersetuju dan 13.5% tidak bersetuju, bagi item sangat setuju dan sangat tidak setuju masing-masing mencatatkan 9% dan 4.6%.

### 5.3 Kehendak

Jadual 37 menunjukkan kehendak pelajar memahami ilmu Nahu. Seramai 52.5% tidak pasti keinginan untuk memahami ilmu Nahu. Manakala seramai 23.6% setuju, tidak setuju 15.4%, sangat tidak setuju 4.6% dan sangat setuju 3.9%. Jadual 38 pula menunjukkan keinginan memahami ilmu Balaghah di mana dapatan tertinggi ialah sebanyak 58.7% pada item sangat setuju, 28.6%

pada item setuju. Manakala peratus bagi item tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju ialah 10.4%, 1.5% dan 0.8%.

**Jadual 37 :** Kehendak memahami ilmu Nahu

Saya ingin memahami ilmu Nahu.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	12	4.6
tidak setuju	40	15.4
tidak pasti	136	52.5
setuju	61	23.6
sangat setuju	10	3.9
Jumlah	259	100.0

**Jadual 38 :** Kehendak memahami ilmu Balaghah.

Saya ingin memahami ilmu Balaghah	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	2	0.8
tidak setuju	4	1.5
tidak pasti	27	10.4
setuju	74	28.6
sangat setuju	152	58.7
Jumlah	259	100.0

Jadual 39 dan Jadual 40 menunjukkan keinginan memahami Dalalah Nahwiyyah dan Dalalah Balaghiyyah di mana peratus tertinggi ialah pada item sangat setuju iaitu 57.5% dan 57.1%. Diikuti dengan item setuju masing-masing sebanyak 29%, dan item tidak setuju sebanyak 11.6% dan 12%. Sementara itu, bagi item tidak setuju mencatatkan peratus sebanyak 1.2% dan 0.8%, bagi item sangat tidak setuju pula sebanyak 0.8% dan 1.2%.

**Jadual 39 :** Kehendak memahami Dalalah Nahwiyyah

Saya ingin memahami Dalalah Nahwiyyah	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	2	.8
tidak setuju	3	1.2
tidak pasti	30	11.6
setuju	75	29.0
sangat setuju	149	57.5
Jumlah	259	100.0

**Jadual 40 :** Kehendak memahami Dalalah Balaghiyyah

Saya ingin memahami Dalalah Balaghiyyah	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	3	1.2
tidak setuju	2	.8
tidak pasti	31	12.0
setuju	75	29.0
sangat setuju	148	57.1
Jumlah	259	100.0

Jadual 41 dan Jadual 42 berkenaan keinginan memahami fungsi Dalalah Nahwiyyah dan Dalalah Balaghiyyah. Seramai 55.2% dan 58.7% sangat setuju Manakala 29.3% dan 27.4% pula bersetuju. Sementara itu, bagi item tidak pasti pula mencatatkan seramai 13.9% dan 12%. Item tidak setuju merekodkan 0.8% dan 1.2%, dan item sangat tidak setuju kedua-duanya mencatatkan sebanyak 0.8%.

**Jadual 41 :** Kehendak memahami fungsi Dalalah Nahwiyyah dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya ingin memahami fungsi Dalalah Nahwiyyah dalam pembinaan Hukum Syarak.	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	2	0.8
tidak setuju	2	0.8
tidak pasti	36	13.9
setuju	76	29.3
sangat setuju	143	55.2
Jumlah	259	100.0

**Jadual 42 :** Kehendak memahami fungsi Dalalah Balaghiyyah dalam pembinaan Hukum Syarak.

Saya ingin memahami fungsi Dalalah Balaghiyyah dalam pembinaan Hukum Syarak	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	2	0.8
tidak setuju	3	1.2
tidak pasti	31	12.0
setuju	71	27.4
sangat setuju	152	58.7
Jumlah	259	100.0



## 6. PERBINCANGAN

Menguasai tatabahasa bahasa Arab dalam memahami dalil-dalil berkaitan ayat-ayat hukum adalah satu tuntutan yang wajib bagi setiap pentafsir al-Quran. Antara garis panduan yang diperlukan dalam berijtihad menurut Abd al-Qadir Muhammad Saleh (2003) ialah penguasaan bahasa Arab yang baik dan mendalami ilmu-ilmu berkaitan bahasa itu sendiri seperti ilmu Nahu, Sorof, Balaghah dan Dalalah (Semantik). Oleh itu, terdapat pelbagai usaha dari para akademik dan ilmuan dalam membincangkan kepentingan mempelajari ilmu-ilmu berkaitan bahasa Arab untuk tujuan khusus bagi membolehkan pembelajaran dijalankan secara berfokus.

Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus seperti ini dilihat dapat memberi keberkesanan yang tinggi memandangkan tenaga pengajar dapat memfokuskan kepada bahan dan kaedah pengajaran yang seiring dengan objektif pembelajaran pelajar pengkhususan. Selain itu, faktor motivasi dalaman yang tinggi untuk menguasai sesuatu bahasa bagi tujuan tertentu dalam kalangan pelajar turut membantu menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran. (Muhammad Abu Al-kalam Azad, 1998). Segala pendapat, cadangan, idea, dan pilihan mereka juga dipertimbangkan dalam memastikan kandungan kurikulum sentiasa diperbaharui dan kontemporari (Anealka, 2018).

Berdasarkan kajian terhadap keperluan pembinaan reka bentuk Model Bahasa Arab untuk Perundangan Islam ini mendapati majoriti responden sudah memahami kebanyakan tajuk-tajuk berkaitan ilmu Nahu dan dalalahnya seperti Huruf Jaar, Huruf Atof, Dhomir, Idhofah, al- Mausul, al-Hal, al-Na'at, al-Amr, al-Syart dan al-Adad dengan catatan masing-masing antara 36% - 44% daripada mereka bersetuju dan 9% - 19% daripada mereka sangat bersetuju. Namun begitu, sebahagian daripada mereka itu ada yang tidak pasti dan masih belum memahami tajuk-tajuk tersebut. Adapun tajuk-tajuk lain seperti Kana wa Akhwatuha, al-Zorf, Makrifah, Nakirah, Istisna' dan Badal menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pasti dengan pemahaman dan penguasaan mereka terhadap tajuk-tajuk ini dengan peratus masing-masing antara 36% - 43%.

Selain itu, analisa tentang tahap penguasaan responden terhadap ilmu Balaghah dan dalalahnya seperti Taqdim Ta'khir, al- I'jaz, al-Itnab, al-Tashbih, al-Kinayah, al-Majaz al-Lughawi, al-Majaz al-Mursal, dan al-Isti'arah telah dijalankan. Hasil analisa menunjukkan majoriti responden masih tidak pasti sama ada mereka benar-benar sudah memahaminya dengan baik atau tidak. Peratus "tidak pasti" itu adalah antara 35% - 44%.

Akhir dapatan mendapati bahawa majoriti responden menunjukkan minat dan sangat bersetuju untuk mempelajari Dalalah Nahwiyyah dan Dalalah Balaghiyyah serta memahami fungsinya dalam mengistinbat hukum. Ini kerana pelajar menyedari kepentingan mempelajari dan menguasai kaedah-kaedah Nahu dan Balaghah. Tanpa penguasaan yang baik terhadap ilmu-ilmu ini akan membawa kepada kesalahan memahami makna dan hukum yang terkandung dalam ayat al-Quran. Ini kerana gaya bahasa al-Quran yang tinggi dan indah itu mengandungi makna yang tersurat dan tersirat yang perlu difahami secara teliti dan mendalam.

## **7. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, hasil dapatan daripada analisis ini menggambarkan bahawa sebahagian daripada responden sudah memahami beberapa tajuk-tajuk berkaitan ilmu Nahu dan dalalahnya, manakala sebahagian daripada mereka masih tidak pasti dan masih belum memahaminya dengan baik. Berbeza pula situasinya dengan ilmu Balaghah di mana majoriti responden masih tidak pasti dengan tahap pemahaman mereka dalam kebanyakan tajuk-tajuk berkaitan ilmu Balaghah. Justeru, melalui kajian ini mendapati bahawa keperluan pelajar untuk memahami dan menguasai ilmu Balaghah adalah lebih tinggi daripada ilmu Nahu kerana secara asasnya pelajar telah menguasai ilmu tersebut jika dibandingkan dengan ilmu Balaghah.

Oleh itu, kajian mencadangkan agar hasil analisis ini dijadikan asas bagi membina model baru pembelajaran bahasa Arab untuk perundangan Islam dengan memberikan perhatian terhadap ilmu Nahu dan dalalahnya secara lebih praktikal di samping penekanan yang lebih kepada pemahaman ilmu Balaghah dan dalalahnya seterusnya kaitan dan fungsi kedua-dua ilmu ini dalam pembinaan sesuatu hukum syarak. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar bahkan juga kepada pihak lain seperti ahli akademik, para penyelidik, pegawai undang-undang, guru takmir masjid dan para ustaz.

## **8. PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pusat pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) atas pembiayaan geran penyelidikan yang telah didaftarkan di bawah kod PPPI/TAMHIDI/0122/USIM/16122.

## 9. RUJUKAN

- Abdullah Abdul Ghani Sarhan. (2020). Al-Balaghah Al-Quraniyyah Wa Atharaha Fi Istinbat Al- Ahkam Al-Syar'iyah. Qaheerah: Mufakkiruun Al-Dauliyyah Li Al-Nasyr Wa Al-Tauzii'.
- Abd al-Qadir Muhammad Saleh (2003). Al-Tafsir wa al-Mufasssirun fi al-Asr al-Hadith. Lubnan: Dar al-Ma'firah.
- Abdul Rahman Chik. (1988). Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP) In Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University. England: Department of Modern Language, University of Salford.
- Anealka Aziz Husin. (2018). Education 4.0 Made Simple: Ideas for teaching. *International Journal of Education & Literary Studies*. Accessed from [www.ijeals.aiac.org.au](http://www.ijeals.aiac.org.au)
- Fatehah Syahat. (t.t), Al-Dalalah Al- Nahwiyyah Wa Atharaha Fi Istinbat Al-Ahkam Min Al-Quran Al- Kareem Jami'ah Ibnu Khaldun. Taayarat: Al-Jazair.
- Haroon Mohammad Badruddeen.(2006). Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al-Balaghiyyah fi Istinbat al-Ahkam al-Fiqhiyyah fi Kitab Bedayatul - Mojtahid wa Nehayatul- Moktasid . Jordan: Universiti of Jordan.
- Hussain Ubaidat. (2004). Taqwim Baramij Al-Lughat Arabiyyat Li Aghrad Khassat. Damsyiq: Al-Muktamar Al-Duwaliyy Al-Awwal Li-Ta'lim Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqn Biha.
- Hutchinson, T. and Waters, A. (1987). English For Specific Purposes: A Learning-Centered Approach, Cmbridge: Cambridge University Press.
- Isnawi, Abd Rahman al-Hasan. (2005). aAl-Kawkab al-Durri. Oman: Dar Ammar.
- Kadir M.N .(2005), Tasmim Wihdat Dirasiah Li Taalim Al Lughah Al Arabiah Li Al Talabah Al Mutakhassisin Fi Al Syariah Al Islamiah Bi Kuliyyah Ahmad Ibrahim Li Al Qanun Bi Al Jamiah Al Islamiah Al Alamiah Bi Malizia. Tesis Sarjana Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Kamarul Shukri Mat The & Mohd Shahrizal Nasir. (2015). Fungsi Ayat Gramatis Dalam Pembinaan Hukum Fikah Daripada Ayat-Ayat Al-Quran Surah Al-Baqarah. *Jurnal Hadhari*, UKM Press, 7 (1), 73-88.
- Kennedy, Chris and Bolitho, Rod. (1984). English For Specific Purposes. London: Macmillan Publishers Limited.
- Mohammad Najib Jaffar, Nurkhamimi Zainuddin, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mohammad Imran Ahmad. (2022). Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Analisis Keperluan dan Pembinaan Kurikulum Asas. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed, Hishomuddin Ahmad. (2013). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 10 (June), 19-29.
- Mohd Shabri Yusof., Ashinida., Zaharom Ridzwan., Rashidah Zakaria. (2014), Kajian Kualitatif Terhadap Keperluan Merekabentuk Bahan Pengajaran Kursus Bahasa Arab Persediaan Untuk Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab. 2017.
- Muhammad Abu Al-kalam Azad. (1998). T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li 'Aqhrad Khassat: Bina Wahdat Dirasiyyat Li- Tullab Al-Takhassus Fi Al-'Aqidat. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nadwah Bt. Haji Daud. (1998). Taalim Al Lughah Al Arabiah Li Aghradh Ilmiyyah, Bina Wihdaat Dirasiyyah Li Al-Ta'lim Al-Arabiyyah Li Al-Mutakhassisiin Fi Al-Fiqh . Disertasi Master Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. UIAM: Kulliyah Ma'arif al-Wahyi Wa al-Ulum al-Insaniyyah.
- Al-Sa'di, Abdul Qadir Abd Rahman. (2019). Athar Al-Dalalah Al-Nahwiyyah Wa Al-Lughawiyyah Fi Istibat Ahkam Min Ayaat Al-Quran Al-Tasyriyyah. Damsyik: Dar Sa'd Al-Deen.
- Saadeddine. (2017). Syawahid Al-Lughah Wa Atharuha Fi Istibat Al-Ahkam Dirasah Dalaliyyah. *Journal of al-Zhakhirah*, 1 (2), 124-159.
- al-Shatibiyy, Ibrahim bin Musa. (1992). Al-I'tisam. Arab Saudi: Dar Ibn Affan.

Tanqari, Soleh Mahjub. (2007). *Al-Lughat Al-Lughat Al- 'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha: Manahijuhu wa Asalibuhu*, Ribat: UNESCO.

Towilah, Abdul al-Salam (1993). *Athar al-Lughah fi Ikhtilaf al-Mujtahidin*. Qaheerah: Dar al-Salam.

Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman b. Abu Bakr. (1976), *Kitab Al-Iqtirah Fi 'Ilm Usul Al-Nahu*. Pnyt. Qasim, Ahmad Muhammad. al-Qahirah: Matba'ah al-Sa'adah.

Yuslina Mohamed., Mesbahul Hoque., Sulaiman Ismail., Nurhasma Muhamad Saad. (2020). *Keperluan Bahasa Arab Ulum Islamiyyah Dari Perspektif Pensyarah*. *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari*. Universiti Sultan Zainal Abidin. Vol.20 (3), 120-134.

Al-Zuhaili, Wahbah (1991), *al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Al-Zuhaili, Wahbah. (1998), *Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*